

21 FEBRUARI 2018

Empat warga Thailand ditahan positif dadah

Empat warga Thailand ditahan positif dadah

KANGAR - Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Perlis menahan 18 lelaki termasuk empat warga Thailand kerana positif pelbagai jenis dadah dalam Ops Tahun Baru Cina selama dua hari bermula Ahad lalu di Padang Besar dekat sini.

Menurut satu kenyataan media, semua 18 suspek yang berusia 21 hingga 30 tahun itu didapati positif dadah jenis syabu, ganja dan candu.

“Operasi bersepadu ini turut melibatkan pegawai dan anggota Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Perlis dan polis,” kata kenyataan AADK di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, seramai 14 suspek warga tempatan telah ditahan mengikut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 pindaan 1998.

“Sementara itu, empat suspek warga Thailand diserahkan kepada Unit Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Besar untuk tindakan susulan,” tambah kenyataan itu.